

Rawatan Muzik Mozart untuk Meningkatkan Masa Belajar Mahasiswa: Satu Kajian Rintis
(*Mozart Music as a Therapy to Enhance Students' Learning Time : A Cross Sectional Study*)

YOHAN KURNIAWAN & HISHAMUDDIN MD. SOM

ABSTRAK

Proses pembelajaran seringkali menimbulkan permasalahan, baik dikalangan pelajar mahupun mahasiswa. Banyak kaedah digunakan untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran ini diantaranya rawatan muzik. Kajian sebelum ini menunjukkan bahawa muzik klasik karya Mozart dapat digunakan untuk mengurangkan penderitaan pesakit dan sekaligus mengurangkan tekanan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan Muzik Klasik karya Mozart dalam meningkatkan masa belajar mahasiswa. Kajian yang dijalankan adalah kajian eksperimental dan seramai lima mahasiswa terlibat sebagai responden. Muzik yang digunakan dalam kajian ini adalah Muzik Klasik karya Mozart dan Muzik Rock daripada kumpulan Sepultura. Ukuran kesan muzik terhadap masa belajar diukur menggunakan lamanya masa atau tempo membaca buku. Analisis data yang digunakan adalah nonparametrik ujian Friedman dan ujian Wilcoxon. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan tempo membaca buku bacaan fiksi dan bukan fiksi yang signifikan semasa diberi rawatan muzik klasik dan muzik rock. Tempoh membaca buku bacaan fiksi lebih lama dibandingkan tempoh membaca bacaan bukan fiksi. Kajian ini juga membuktikan bahawa tempo membaca bacaan bukan fiksi lebih lama semasa diberi muzik klasik berbanding semasa diberi muzik rock. menunjukkan bahawa muzik klasik karya Mozart tidak berkesan untuk meningkatkan tempo belajar mahasiswa.

Kata kunci: Muzik Klasik, Muzik Rock, tempo masa belajar, jenis buku bacaan.

ABSTRACT

The learning process often creates problems among students. There are many methods used to solve problems in the learning process between them and one of the processes is by using musical treatment. Previous research has shown that Mozart's music can be used to alleviate the suffering and reduce stress of patients. In this study, the main objective is to identify the effects of Mozart's music in improving students learning time. This study was more of a preliminary study and it has used experimental method which involved five university students who participated as respondents. The type of music used in this study was Mozart's Classical Music and Rock's Music from the Sepultura group. The impact of both music on their learning time was measured using the length of time in reading books. In analysing the data, the nonparametric Friedman test and the Wilcoxon test were used. The results showed significant differences on the length of time in reading fiction and non-fiction books while being treated with classical music and rock music. Time to read a fiction book was longer than the time used to read non-fiction books. This study also showed that the time to read non-fiction books was longer when given a classical music compared to when given rock music. However, this study did not really reveal that Mozart's music was effective in improving student learning time.

Keywords: Mozart's Classical Music, Rock's Music, learning time, reading of books

PENDAHULUAN

Pada masa ini berbagai kemajuan telah dicapai manusia, akan tetapi ianya tidak menyebabkan manusia menjadi puas. Hal ini merupakan salah satu sifat manusia iaitu tidak mudah puas dengan apa yang telah dicapainya. Perasaan tidak puas tersebut seringkali menyebabkan tekanan pada mereka. Darjah tekanan yang tinggi dapat menjejaskan kualiti hidup seseorang dan mengakibatkan menurunnya produktiviti kerjanya. Tekanan dapat diterjadi kepada siapa sahaja termasuklah pelajar dan mahasiswa. Tekanan yang dihadapi oleh pelajar dan mahasiswa biasanya berpunca daripada masalah pembelajaran, masalah pergaulan, masalah keluarga, dan masalah yang berasal daripada diri mereka sendiri. Salah satu masalah yang terjadi dikalangan mahasiswa dalam proses belajar mengajar adalah malas belajar. Terdapat beberapa punca yang menyebabkan mahasiswa malas diantaranya kesukaran memahami bahan yang dipelajari, persekitaran tempat belajar, keinginan untuk melakukan aktiviti santai seperti berjalan-jalan dan bermain, mood atau suasana hati semasa belajar, kekurangan bahan dan infrastruktur pembelajaran, dan keadaan fizikal yang tidak sihat (sakit) (Pen patah blog, 2012). Sikap malas belajar ini menjadi salah satu punca prestasi belajar seorang mahasiswa merosot atau buruk, keadaan ini dapat menyebabkan terjadinya tekanan dalam kalangan mahasiswa.

Banyak kaedah rawatan diciptakan untuk mengurangkan tekanan seperti terapi kognitif-tingkah laku, terapi psikoanalisis, terapi aroma, relaksasi dan lain sebagainya. Kadangkala seseorang yang mengalami tekanan tidak menyedari bahawa dirinya sedang tertekan, teknik kaunseling boleh membantu individu menyedari permasalahan yang dihadapi. Dengan menyedari permasalahan yang dihadapinya, individu berkenaan akan lebih mudah mencari cara atau teknik rawatan yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalahnya, dan mengurangkan tekanan yang diakibatkan masalahnya tersebut.

Salah satu kaedah rawatan tekanan yang cukup popular pada masa ini adalah rawatan muzik. Rawatan muzik adalah suatu teknik rawatan yang menggunakan muzik untuk menyelesaikan masalah fizikal mahupun mental, sama ada dengan cara mendengar muzik mahupun bermain alat muzik. Muzik mengandungi suatu bahagian yang sangat penting untuk kehidupan manusia iaitu irama. Irama adalah sumber kekuatan yang boleh menggerakkan kehidupan manusia. Kajian yang dijalankan oleh Melson dan McCall (Deutsch, 1982) menunjukkan bahawa denyutan jantung bayi akan berubah semasa mereka mendengar beberapa bentuk nada. Sementara itu, Shuter dan Gabriel (1982)

mengatakan bahawa semasa kecil kanak-kanak lebih terkesan kepada suara-suara yang indah. Munandar (1999) mengatakan bahawa muzik boleh digunakan untuk merangsang bayi yang masih di dalam kandungan dan bayi yang baru lahir, terutamanya perkembangan saraf dan fungsi otak bayi semasa dalam kandungan dan setelah dilahirkan.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan Muzik Klasik karya Mozart kepada peningkatan masa belajar mahasiswa. Muzik Mozart dipilih kerana beberapa kajian telah membuktikan tahap keberkesanan muzik tersebut kepada manusia, di antaranya kajian yang dijalankan oleh Rauscher, Shaw, Levine, Ky, & Wright (1994); Rauscher, Shaw, & Ky (1995) menunjukkan hasil bahawa Muzik Mozart dapat meningkatkan kemampuan *spatial reasoning* dalam kalangan pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Kurniawan, Setiawan, & Budiarmo (1999) terhadap tikus putih mendapati bahawa Muzik Mozart dapat mengurangkan pengeluaran Asid semasa tikus merasakan tekanan. Kajian yang dijalankan oleh Stratton (1992); Lord & Garner (1993) mendapati bahawa muzik mampu mengurangkan tekanan dalam kalangan orang yang mendengarnya.

Kajian terhadap muzik telah membuktikan bahawa rawatan muzik cukup efektif untuk melatih berjalan pesakit angin ahmar semasa proses pemulihan (Indonesia Post, 2000). Para pengkaji rawatan muzik di Scotland menemukan bahawa Muzik Mozart dapat menenangkan dan memberikan keselesaan kepada pesakit angin ahmar (Indonesia Post, 2000). Kajian yang dijalankan pakar rawatan muzik di University Hospital di Cleveland, Amerika membuktikan bahawa muzik dapat meningkatkan fungsi imunisasi atau pertahanan diri pada kanak-kanak (Indonesia Post, 2000). Pakar kardiologi dari Michigan membuktikan bahawa muzik dapat digunakan untuk mengurangkan rasa sakit selepas pembedahan jantung (Indonesia Post, 2000).

Kesan muzik terhadap manusia tidak terlepas daripada jenis bunyi yang menghasilkan muzik tersebut, dan kesannya terhadap persekitaran. Kajian terhadap bunyi yang dijalankan oleh Satoji, Masatoshi dan Terasaki (1990) tentang bunyi di persekitaran yang menyenangkan dan tidak menyenangkan menunjukkan bahawa muzik klasik dan muzik rock termasuk dalam 10 kumpulan bunyi yang disenangi oleh manusia. Muzik klasik berada di peringkat kedua (17 undi) selepas suara manusia (25 undi), sedangkan muzik rock (7 undi) berada di peringkat ke sepuluh. Hasil kajian ini membuktikan bahawa manusia lebih suka mendengarkan muzik klasik berbanding muzik rock. Hasil kajian yang dijalankan oleh Paulman (1982) yang

disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Copeland dan Franks (1991) menunjukkan bahawa muzik yang lembut dan lambat boleh memberi kesan relaksasi kepada pendengarnya.

Kajian-kajian di atas membuktikan bahawa muzik klasik karya Mozart memberi kesan positif kepada manusia, oleh kerana itu ianya banyak digunakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh manusia. Salah satu permasalahan yang dihadapi oleh mahasiswa adalah daya tahan untuk belajar, hal ini disebabkan mahasiswa sukar untuk menumpukan perhatiannya terhadap satu tugas sebagai seorang pelajar iaitu membaca buku ilmiah, dan seringkali mereka tidak berminat terhadap buku pelajaran kerana membosankan. Kajian yang dijalankan ini bertujuan

untuk mengenalpasti apakah muzik klasik karya Mozart dapat membantu meningkatkan masa belajar mahasiswa.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kajian yang dijalankan adalah sebuah kajian eksperimental. Rekabentuk eksperimen yang digunakan adalah rekabentuk berulang. Rekabentuk berulang ini memungkinkan pengkaji mengkaji kesan dua atau lebih perlakuan dengan responden yang sama, sehingga dapat menghindari bias yang berlaku kerana perbezaan responden dan bukannya kerana perbezaan jenis rawatan.

JADUAL 1. Rekabentuk kajian kesan muzik dalam meningkatkan masa belajar

	Muzik Klasik	Muzik Rock
Buku Bacaan Fiksyen (Masa)	A1	A2
Buku Bacaan Bukan Fiksyen (Masa)	B1	B2

Dalam kajian ini digunakan buku bacaan fiksyen dan buku bacaan bukan fiksyen. Buku bacaan fiksyen dihubungkan dengan aktiviti membaca yang tidak memerlukan fungsi pemikiran (proses berfikir) yang tinggi. Membaca buku bacaan bukan fiksyen merupakan aktiviti membaca yang memerlukan fungsi pemikiran (proses berfikir) yang tinggi. Ianya identik dengan aktiviti belajar dalam kalangan mahasiswa.

digunakan dalam kajian ini adalah lagu-lagu dalam album Schizophrenia:

- Intro
- From the past come the storms
- To the wall
- Escape into the void
- Inquisition symphony
- Septic Schizo
- Troops of Doom

PEMBOLEH UBAH KAJIAN

Pemboleh Ubah Bebas

Pemboleh ubah bebas adalah pemboleh ubah yang dimanipulasi oleh penyelidik. Pemboleh ubah bebas yang digunakan di dalam kajian ini adalah muzik iaitu muzik klasik, muzik rock, dan tanpa rawatan muzik sebagai kumpulan kawalan. Muzik klasik karya Mozart yang digunakan dalam kajian ini adalah:

- Adante
- Allegro Aperto
- Adagio Ma Non Troppo
- Menuetto
- Rondo – Alegretto Grazioso

Muzik rock daripada kumpulan Sepultura yang

Pemboleh Ubah Bergantung

Pemboleh ubah bergantung adalah pemboleh ubah yang dipengaruhi oleh pemboleh ubah bebas dan pada akhir eksperimen dilakukan pengukuran untuk mengetahui pengaruh yang telah diterima. Pemboleh ubah bergantung dalam kajian ini adalah lamanya masa membaca dan jumlah muka surat buku bacaan fiksyen dan bukan fiksyen yang dibaca.

Buku bacaan bukan fiksyen yang digunakan dalam kajian ini adalah:

- Psikologi Perkembangan
- Psikologi Pendidikan
- Efek Mozart
- Psikologi Kepribadian
- Psikologi Komunikasi

Buku bacaan fiksiyen yang digunakan dalam kajian ini adalah buku cerita fiksiyen serial Lima Sekawan hasil karya Enid Bylton (terjemahan Bahasa Indonesia).

Pemboleh Ubah Terkawal

Pemboleh ubah terkawal terdiri daripada sekumpulan pemboleh ubah samada luaran mahupun dalaman yang boeh mempengaruhi hasil kajian. Dalam kajian ini, pemboleh ubah terkawal yang digunakan terbahagi menjadi 3 bahagian iaitu kawalan persekitaran (kawalan persekitaran berupa kawalan suhu bilik, tahap kebisingan, kawalan pengudaraan bilik, dan kawalan pencahayaan); Kawalan psikologi (kawalan psikologi berupa motivasi dan pemberian arahan yang sama oleh pengkaji); Kawalan fisiologi (kawalan fisiologi berupa kesihatan responden dan masa rehat yang mencukupi).

Pemboleh Ubah Tak Terkawal

Pemboleh ubah tak terkawal adalah pemboleh ubah yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik. Pemboleh ubah tak terkawal dalam kajian ini adalah perasaan takut, bimbang, cemas tidak dapat memenuhi kehendak penyelidik, perasaan bosan terhadap perlakuan yang diterima selama kajian dijalankan.

TEMPAT KAJIAN DIJALANKAN

Kajian ini dijalankan di makmal eksperimen Fakulti Psikologi, Universiti Katolik Widya Mandala Surabaya. Makmal eksperimen ini digunakan kerana:

- a. Mempunyai pencahayaan yang baik
- b. Darjah kebisingan rendah
- c. Suara muzik dan suara penyelidik semasa memberikan arahan dapat didengar dengan jelas oleh responden
- d. Suhu dalam makmal adalah normal (18-25 darjah selsius)
- e. Makmal tersebut cukup nyaman dan tidak terdapat sebarang gangguan kepada responden samasa eksperimen dijalankan.

RESPONDEN KAJIAN

Responden kajian eksperimen ini adalah 5 pelajar di Universiti Katolik Widya Mandala Surabaya, Indonesia. Sebelum eksperimen dijalankan terdapat seramai 10 pelajar mengikutinya dan semasa kajian berjalan seramai 5 pelajar menarik diri. Kajian yang dijalankan

ini merupakan sebuah kajian rintis dan menggunakan metod eksperimen, oleh kerana itu jumlah responden yang terbabit tidak dihadkan oleh jumlah minimum responden sebuah kajian. Setiap responden akan mendapat dua perakuan iaitu perlakuan muzik klasik semasa membaca buku bacaan fiksiyen dan buku bacaan bukan fiksiyen, dan muzik rock semasa membaca buku bacaan fiksiyen dan buku bacaan bukan fiksiyen.

ALAT UKURAN DAN PENGUMPUL DATA KAJIAN

Alat ukuran tahap keberkesanan muzik klasik karya Mozart dan muzik rock daripada kumpulan Sepultura dalam meningkatkan masa belajar mahasiswa menggunakan jam randik. Responden tidak dihadkan semasa membaca buku bacaan fiksiyen dan buku bacaan. Data yang diperoleh berupa lamanya masa membaca buku bacaan fiksiyen dan bukan fiksiyen yang diperoleh responden dicatat bukan fiksiyen.

Alat pengumpul data lain yang digunakan dalam kajian ini adalah borang selidik tentang jenis muzik yang disukai oleh responden.

PROSEDUR KAJIAN

Responden memasuki makmal kajian dan mereka diminta untuk duduk di kerusi atau di karpet. Hal ini bertujuan memberi keselesaan kepada responden. Pada awal eksperimen dijalankan, responden diminta untuk membaca buku bacaan fiksiyen dan pada masa yang sama diperdengarkan muzik klasik. Masa membaca dan jumlah muka surat buku yang dibacanya adalah tidak terhad.

Keesokan harinya responden diminta untuk kembali ke makmal. Responden diminta untuk melanjutkan membaca buku bacaan fiksiyen semalam atau membaca buku bacaan fiksiyen baru apabila bacaan fiksiyen sebelum ini telah selesai dibacanya. Pada masa yang sama responden diperdengarkan muzik rock.

Satu minggu kemudian, responden kembali ke makmal dan diminta untuk membaca buku bacaan bukan fiksiyen, dan pada masa yang sama diperdengarkan muzik kklasik. Keesokan harinya responden diminta untuk kembali ke makmal dan diminta untuk melanjutkan membaca buku bacaan bukan fiksiyen semalam atau membaca buku bacaan bukan fiksiyen baru apabila bacaan fiksiyen sebelum ini telah selesai dibacanya. Pada masa yang sama responden diperdengarkan muzik rock.

ANALISIS DATA KAJIAN

Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan statistik nonparametrik ujian Friedman dan ujian Wilcoxon. Analisis statistik ini bertujuan untuk mengetahui tempoh masa membaca buku bacaan fiksyen dan bukan fiksyen semasa mendapat rawatan muzik klasik dan rawatan muzik rock. Analisis statistik nonparametrik ini digunakan kerana jumlah responden yang terbabit dalam kajian ini adalah 5 orang sahaja.

Hasil Kajian

Data kajian yang diperoleh daripada eksperimen yang dijalankan adalah lamanya masa membaca buku bacaan bukan fiksyen dan buku bacaan fiksyen, serta jumlah muka surat buku bacaan yang dibacanya. Hasil lain yang diperoleh daripada kajian ini adalah jenis muzik yang disenangi oleh responden kajian. Daripada

maklumat borang selidik diketahui bahawa jenis muzik yang disukai oleh responden adalah:

- Muzik klasik (40%)
- Muzik pop (35%)
- Muzik disko (15%)
- Muzik rock (7%)
- Muzik jazz (3%)

Daripada data kajian juga diketahui bahawa responden menyukai muzik tertentu kerana sesuai dengan selera/minat, dapat membangkitkan semangat hidup dan memberikan perasaan gembira, dapat memberikan fikiran baru / inspirasi, memberikan perasaan tenang, dan mengurangkan tekanan.

Perbezaan tahap keberkesanan muzik klasik dan muzik rock dalam meningkatkan masa membaca buku bukan fiksyen dan buku fiksyen dapat dilihat daripada nilai min pada Jadual 1 di bawah ini:

JADUAL 1. Taburan min dan sisihan piawai kesan perlakuan dengan muzik klasik dan muzik rock terhadap lamanya masa membaca

Pasangan	N	Min	Sp
M.Klasik fiksyen	5	95.00	40.40
M.Rock – fiksyen	5	40.80	10.03
M.Klasik – bukan fiksyen	5	47.00	16.05
M.Rock – bukan fiksyen	5	31.60	12.66

Jadual 1 di atas menunjukkan terdapat perbezaan min masa membaca buku bacaan bukan fiksyen dan buku bacaan fiksyen dengan mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock. Walaupun terdapat perbezaan min lamanya masa membaca buku bacaan fiksyen dan buku bacaan bukan fiksyen dengan perlakuan muzik

klasik dan muzik rock, akan tetapi tidak diketahui apakah perbezaan tersebut signifikan atau tidak. Oleh kerana itu perlu dilakukan ujian statistik nonparametrik (Ujian Friedman) untuk mengenalpasti apakah perbezaan tersebut signifikan atau tidak.

JADUAL 2. Hasil Ujian Friedman perlakuan Muzik Klasik dan Muzik Rock terhadap tempoh membaca buku bacaan bukan fiksyen dan bacaan fiksyen

Purata pangkat						
Klasik-fiksyen	Rock-fiksyen	Klasik-bukan fiksyen	Rock-bukan fiksyen	N	X ²	D
4.00	2.20	2.80	1.00	5	14.04*	3

*k < .05

Ujian Friedman pada Jadual 2 menunjukkan terdapat perbezaan kesan rawatan yang signifikan dengan muzik klasik dan muzik rock terhadap tempoh membaca buku bacaan bukan fiksyen dan bacaan fiksyen, $X^2(3) = 14.04$, $k < .05$, akan tetapi daripada hasil tersebut tidak diketahui kesan perlakuan muzik yang dapat menambah lamanya masa membaca, baik buku bacaan fiksyen mahupun bukan fiksyen, serta buku bacaan mana yang mempunyai masa membaca lebih lama. Oleh kerana itu

perlu dilakukan ujian untuk melihat perbezaan lamanya masa membaca di antara buku bacaan fiksyen dan bukan fiksyen, serta jenis perlakuan muzik yang dapat meningkatkan masa membaca tersebut.

Hasil ujian Wicoxon untuk mengenalpasti perbezaan lamanya masa membaca buku bacaan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock adalah seperti berikut:

JADUAL 3. Perbezaan masa membaca buku bacaan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock

Pasangan	N	W
M.Klasik – M. Rock	5	2.02*

* $k < .05$

Jadual 3 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan masa membaca buku bacaan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock, $W(5) = 2.02$, $k < .05$. Hasil ini menunjukkan bahawa min lamanya masa membaca buku bacaan fiksyen semasa diberi perlakuan muzik klasik (min = 95.00) lebih baik

berbanding min tempoh membaca buku bacaan fiksyen semasa diberi perlakuan muzik rock (min = 40.80). Hasil ujian Wicoxon untuk mengenalpasti perbezaan lamanya masa membaca buku bacaan bukan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock adalah seperti berikut:

JADUAL 4. Perbezaan masa membaca buku bacaan bukan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock.

Pasangan	N	W
M.Klasik – M. Rock	5	2.03*

* $k < .05$

Jadual 4 di atas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan masa membaca buku bacaan bukan fiksyen semasa mendapat perlakuan muzik klasik dan muzik rock, $W(5) = 2.03$, $k < .05$. Hasil ini menunjukkan bahawa min tempoh membaca buku bacaan bukan fiksyen semasa diberi perlakuan muzik klasik (min = 47.00) lebih baik berbanding min tempoh membaca buku bacaan bukan fiksyen semasa diberi perlakuan muzik rock (min = 31.60).

Secara keseluruhannya, hasil kajian diatas menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara perlakuan muzik klasik dan muzik rock semasa membaca buku bacaan fiksyen dan buku bacaan bukan fiksyen. Lamanya masa membaca buku bacaan fiksyen lebih baik berbanding masa membaca buku bacaan bukan fiksyen, baik semasa diberi rawatan muzik klasik mahupun rawatan muzik rock.

PERBINCANGAN

Kajian ini menunjukkan bahawa muzik klasik dan

muzik rock kurang berkesan dalam meningkatkan masa belajar mahasiswa semasa membaca bahan bacaan yang identik dengan buku bacaan akademik (buku bacaan bukan fiksyen). Dalam kajian ini terbukti bahawa masa membaca buku bacaan fiksyen adalah lebih lama berbanding masa membaca buku bacaan bukan fiksyen, baik semasa diberi perlakuan muzik klasik mahupun perlakuan muzik rock.

Ketika seorang mahasiswa belajar, mereka memerlukan kemampuan untuk memusatkan perhatian (mental) dan kekuatan fizikal yang lebih dibandingkan aktiviti lain yang tidak memerlukan perhatian dan melibatkan aktiviti fizikal serta mental, seperti membaca buku cerita. Semasa proses pembelajaran, otak manusia dalam keadaan sangat aktif sehingga menghabiskan tenaga yang dibekalkan melalui proses metabolisme. Tenaga yang dibekalkan itu apabila cepat dihabiskan mengakibatkan wujud perasaan letih dalam diri individu yang terlibat. Keletihan fizikal dan mental ini dapat menimbulkan perasaan bosan, malas, dan kemampuan mengingat atau memusatkan perhatian terhadap pelajaran menjadi berkurang (Girdano &

Everly, 1986).

Semasa seorang mahasiswa membaca buku bacaan fiksi, proses kognitif yang lebih rendah berbanding semasa membaca buku bacaan bukan fiksi iaitu memahami cerita. Manakala ketika membaca buku bacaan bukan fiksi, seorang mahasiswa tidak sahaja dituntut untuk memahami cerita, tetapi mereka dituntut untuk menjalankan fungsi berfikir yang lebih tinggi seperti mengingat, memahami, dan menganalisis permasalahan yang terjadi. Oleh kerana itu membaca buku bacaan fiksi (contohnya novel) tergolong kegiatan “ringan” atau kegiatan yang tidak melibatkan aktiviti mental yang tinggi, berbanding dengan kegiatan belajar (membaca buku bacaan bukan fiksi). Akibatnya ketika seorang mahasiswa belajar, energi yang digunakan lebih banyak dan menyebabkan mereka merasa letih, kemampuan menumpukan perhatian dan mengingat menurun, bosan, dan lain sebagainya. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa muzik klasik kurang berkesan untuk mengembalikan energi yang habis digunakan ketika seorang mahasiswa belajar, dan akibatnya muzik klasik tidak berjaya meningkatkan lamanya masa belajar, dan membangkitkan motivasi belajar yang terjejas akibat keletihan yang wujud semasa belajar.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa muzik klasik karya Mozart tidak sesuai digunakan untuk meningkatkan masa belajar mahasiswa, hal ini disebabkan kerana muzik klasik karya Mozart tidak berjaya untuk menubuhkan minat belajar dalam kalangan pelajar. Muzik Mozart tidak berjaya menubuhkan minat belajar kerana muzik ini tidak berjaya untuk mengurangkan keletihan dan perasaan bosan semasa belajar, akibatnya rawatan muzik klasik karya Mozart ini tidak sesuai digunakan untuk meningkatkan masa belajar.

RUJUKAN

- Copeland, B. L., & Franks, B. D. (1991). Effects of Types and Intensities of background music on Treadmill Endurance. *The Journal of Sports Medicine and Physical Fitness* 31: 100-103
- Deutsch, D. 1982. *The Psychology of Music*. New York: Academic Press
- Girdano, D. A. & Everly, G. S. Jr. (1986). *Controlling stress & tension: a holistic approach*. New Jersey: Prentice Hall
- Indonesia Post.(2000). *Music is hood medicine*, 3

March 2000, p.7

- Kurniawan, Y., Setiawan, M., & Budiarmo, N. (1999). *The Using of Music & Traditional Medicine (Jamu) “Anti Stress” for Reducing Ulcer because Stress Condition on White Mouse*. Unika Widya Mandala Surabaya Research Grant.
- Lord, T.R. & Gardner, H. (1993). Effects of music on Alzheimer patients. *Journal Perceptual and Motor Skills* 76: 451-455
- Munandar, U. 1999. Pengaruh Muzik Mozart terhadap Perkembangan Bayi. *Intisari*, April 1999: 25-31
- Paulman, L. (1982). Reaching the confused and withdraw through music. *Journal of Aging* 339(4), 7-11
- Pen patah blog. (2012). 6 Punca Malas Belajar. Online: <http://penpatah.blogspot.com/2012/6-punca-malas-belajar.html>, 25 April 2013
- Rauscher, F. H., Shaw, G. L., Levine, L. J., Ky, K. N., & Wright, E. L. (1994). Music and spatial task performance: a casual relationship. Paper presented at the 102nd Annual Convention of The American Psychological Association, Los Angeles, California.
- Rauscher, F. H., Shaw, G. L., Ky, K. N., (1995). Listening to Mozart Enhances Spatial-Temporal Reasoning: Towards a Neurophysiological Basis. *Neuroscience Letters*, 185: 44-47
- Satoshi, S., Masatoshi, T., & Terasaki, M. (1990). Pleasantness and Unpleasantness of Environmental Sounds. *Journal Perceptual and Motor Skills Volume* 71:960-962
- Shuter, D.R. & Gabriel, C. (1982). *The Psychology of Musically Abilit*. London:Tavistock Publications.
- Stratton, V. N. (1992). Influence of music and socializing on perceived stress while waiting. *Journal Perceptual and Motor Skills* 75: 334

Yohan Kurniawan (Dr.)

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: yohan@umk.edu.my

Hishamuddin Md. Som (Prof. Dr.)

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan,
Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Kota),
Karung Berkunci 36,
161000 Kota Bharu, Kelantan. Malaysia
E-mel: hishamuddin.ms@umk.edu.my